



**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
(MEMO ANTARA BAHAGIAN)**

Ruj. Kami: KSN 001/121 Jld 10 (11)

Tarikh: 3 April 2014
3 Jamadilakhir 1435

TAJUK	EDARAN SURAT KBS : LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN PERBELANJAAN KERAJAAN	
KEPADA	ENCIK MOHD ZULQURNAIN BIN HAJI MUHAMMAD ENCIK MOHAMAD SAPUAN BIN MAT ENCIK KHAIRUL AZHAR BIN SARDAR MOHAMAD	
DARIPADA	KPE	S.K: • SEMUA KAKITANGAN

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk berkaitan perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa bersama-sama ini dilampirkan surat KBS Rujukan : KBS.1-1/106 (98) bertarikh 19 Mac 2014 untuk makluman dan perhatian pihak tuan selanjutnya. Salinan dalam bentuk soft copy boleh diperolehi dari Terminal Server PSM dan Laman Web PSM <http://www.stadium.gov.my>.

3. Sehubungan itu, kerjasama tuan untuk memanjangkan perkara ini kepada pegawai yang dibawah seliaan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"UNGGUL, CANGGIH DAN CEMERLANG"

(HAJI AHMAD HALMI BIN HARUN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Stadium Malaysia



KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
MINISTRY OF YOUTH AND SPORTS
Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA
MALAYSIA



1MOCC: +603-8000 8000
Faks (Fax): +603-8888 8770
Laman Web (Web): www.kbs.gov.my

Ruj: KBS.1-1/106 (1&)
Tarikh: 19 Mac 2014

SEGERA DENGAN TANGAN/FAKS

Kepada:

- Semua Ketua Pengarah**
- Semua Ketua Pegawai Eksekutif**
- Semua Setiausaha Bahagian**
- Semua Pengarah JBS Negeri**
- Semua Pengarah IKBN/IKTBN**
- Pengarah IYC**



KPO (PK)

Sila edarkan

YBhg. Dato' Seri/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN PERBELANJAAN KERAJAAN

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana sedia maklum, **Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014: Garis Panduan Secara Berhemat Bagi Mengurangkan Perbelanjaan Awam** telah dikeluarkan untuk melaksanakan 11 langkah bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam bermula 1 Januari 2014 dalam usaha untuk mengamalkan perbelanjaan yang lebih berhemat pada tahun 2014. Keputusan ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 Disember 2013.



3. Sebagai susulan kepada langkah-langkah penjimatan perbelanjaan Kerajaan yang sedang dilaksanakan, satu arahan telah dikemukakan oleh Ketua Setiausaha Negara yang mohon supaya semua Ketua-ketua Perkhidmatan dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian mengambil perhatian ke atas perkara-perkara berikut berkuatkuasa serta-merta:

- i. **Amalan menyediakan baju korporat bagi setiap acara Kerajaan wajar dihentikan.** Setiap kementerian boleh menggunakan baju korporat termasuk batik korporat masing-masing untuk acara rasmi anjuran kementerian yang berkenaan ataupun menggunakan baju korporat 1Malaysia (berwarna putih);
- ii. Supaya dipastikan **tidak berlaku pembaziran dalam penganjuran acara atau majlis Kerajaan**, misalnya dengan perhiasan yang keterlaluan, penyediaan tempat duduk para VIP yang serba mewah dan sebagainya. Ini juga wajar dimasukkan dalam SOP baru penganjuran acara/majlis Kerajaan;
- iii. Supaya **tiada pemberian cenderamata** kepada para pemimpin yang hadir di majlis/acara Kerajaan mahupun anjuran pihak swasta dan badan bukan Kerajaan. **Pemberian yang sesuai misalnya buah-buahan tempatan atau buku boleh dibenarkan** tetapi dalam kuantiti yang berpatutan, misalnya sebuah buku sahaja; dan
- iv. **Amalan menyiarkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada para pemimpin melalui iklan dalam akhbar juga hendaklah dihentikan.**


4. Sehubungan itu, selaras dengan usaha penjimatan berterusan, langkah-langkah ini hendaklah dipatuhi seiring dengan beberapa langkah lain yang telah digariskan oleh Kementerian Belia dan Sukan yang melibatkan penjimatan utiliti termasuk operasi penyalaan lampu, penyaman udara, operasi lif penumpang/servis, penggunaan air dan sebagainya.

Segala kerjasama daripada YBhg. Dato' Seri/Dato'/Dr./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

○ Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AZHAR MOHAMED ISA)

Timbalan Ketua Setiausaha (Antarabangsa & Pengurusan)

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Belia dan Sukan

MALAYSIA

Tel: 03-88713333

Faks: 03-88888721

E-mel: azhar@kbs.gov.my

s.k.: YBhg. Datuk KSU

YBhg. Dato' TKSU (S)